



**KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

13 Mac 2020

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan tersebut di negara ini.
2. Pada hari ini, 13 Mac 2020, sebanyak 12 lagi kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 37 orang**. 11 orang daripada kes-kes baru ini telah didapati mempunyai kaitan dengan kluster perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia (termasuk kontek kepada kes).
 - Kes 26 ialah seorang wanita tempatan berumur 46 tahun yang merupakan isteri kepada Kes 12. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
 - Kes 27, berumur 21 tahun ialah anak kepada Kes 12. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan baru mengadu sengal-sengal badan pada hari ini.
 - Kes 28, berumur 25 tahun adalah juga anak kepada Kes 12. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.

- Kes 29, berumur 16 tahun adalah juga anak kepada Kes 12. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan telah mula mengalami batuk dan selsema pada 9 Mac 2020.
- Kes 30, berumur 13 tahun adalah juga anak kepada Kes 12. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 31 ialah seorang lelaki warga tempatan berumur 64 tahun yang mempunyai sejarah perjalanan ke Indonesia dan Malaysia. Beliau telah pergi ke Kuala Lumpur melalui Labuan pada 17 Februari 2020 dan seterusnya melanjutkan perjalanan ke Jogjakarta, Indonesia. Beliau telah pulang ke Negara Brunei Darussalam melalui Kuala Lumpur (transit) pada 4 Mac 2020 dan seterusnya menaiki pesawat Air Asia AK5175 ke Labuan. Beliau telah pulang dari Labuan pada hari yang sama. Beliau telah mula mengalami batuk sejak 10 Mac 2020.
- Kes 32 ialah seorang wanita tempatan berumur 25 tahun yang merupakan isteri kepada Kes 19. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 33, berumur 39 tahun ialah adik kepada Kes 13. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.

- Kes 34, berumur 2 tahun ialah anak saudara kepada Kes 13. Kes ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke Kuala Lumpur dan tidak mempunyai tanda-tanda jangkitan.
- Kes 35 ialah seorang lelaki tempatan berumur 60 tahun yang telah menyertai perkumpulan keagamaan (tabligh) di Kuala Lumpur, Malaysia pada 28 Februari hingga 3 Mac 2020. Beliau kemudiannya pergi ke New Delhi, India pada 4 Mac 2020 bersama tiga orang rakannya yang juga bersama-sama di perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau telah pulang ke tanah air dengan menaiki penerbangan Royal Brunei BI874 (tempat duduk 27K) pada 11 Mac 2020. Beliau hanya mula mengadu batuk dan selsema pada hari ini. Ketiga-tiga rakan beliau masih berada di luar negara dan adalah dinasihatkan untuk menjalani ujian makmal bagi COVID-19 secepat mungkin, di mana saja mereka berada.
- Kes 36 ialah seorang lelaki tempatan berumur 56 tahun yang juga telah menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur. Beliau telah pulang ke tanah air pada 5 Mac 2020 dengan menaiki pesawat BI872 dan mula menunjukkan tanda-tanda jangkitan iaitu demam panas, batuk dan selsema pada 7 Mac 2020.
- Kes 37 ialah seorang warga tempatan berumur 28 tahun. Kes ini tidak menyertai perkumpulan keagamaan di Kuala Lumpur tetapi telah menghadiri satu perkumpulan tabligh pada 5 Mac 2020 di Negara Brunei Darussalam yang juga telah turut dihadiri oleh beberapa orang jemaah yang telah berada di perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur.

3. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, semua kes-kes yang sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan adalah berada di dalam keadaan yang baik dan stabil, tidak menghidap demam panas pada masa ini dan tidak memerlukan bantuan pernafasan.
4. Kementerian Kesihatan masih giat menjalankan penyiasatan kontek bagi setiap kes. Setakat ini, sebanyak 523 orang telah diarahkan untuk menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204. Sementara itu, sejak wabak COVID-19 bermula pada awal Januari 2020, sebanyak 478 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan yang mana meliputi 319 orang.
5. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan orang ramai bahawa kesemua 75 orang warga tempatan yang telah menyertai perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur, Malaysia dan pada masa ini berada di Negara Brunei Darussalam, telah menjalani ujian makmal bagi COVID-19. Daripada jumlah ini, 18 orang telah didapati positif, 51 negatif manakala 6 masih menunggu keputusan ujian. Alhamdulillah, kesemua mereka ini sedang menjalani kurantin di Perkampungan Sukan atau berada dalam rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan.
6. Sementara itu, daripada 10 orang yang masih berada di luar negara, seorang daripadanya (warganegara Brunei yang menuntut di Malaysia) telah dimaklumkan telah menjalani ujian makmal di Malaysia dan didapati negatif. Usaha masih dijalankan untuk mengesan 9 orang yang lain. Ini bermakna jumlah warganegara Brunei Darussalam yang diketahui telah berada di perkumpulan tabligh di Kuala Lumpur setakat ini ialah seramai 85 orang.

7. Dengan mengambilkira situasi jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada masa ini serta sebagaimana nasihat yang telah diberikan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa **semua acara-acara keramaian atau perkumpulan termasuk majlis perkahwinan dan acara kesukanan adalah tidak dibenarkan buat sementara waktu.**

8. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi **Majlis Sambutan Israk dan Mikraj bagi tahun ini** ditiadakan.

9. Sementara itu, orang ramai adalah juga dinasihatkan untuk mengamalkan langkah-langkah pencegahan jangkitan (*social distancing measures*) seperti tidak berjabat tangan; mengelakkan dari duduk berdekatan dengan orang lain di tempat-tempat awam; dan mengelakkan tempat-tempat yang sesak terutamanya bagi mereka yang berisiko tinggi seperti penghidap penyakit kronik (diabetes, penyakit kardiovaskular, penyakit buah pinggang, penyakit respiratori dan kanser), wanita mengandung dan warga emas.

10. Dalam pada itu, Kementerian Kesihatan juga ingin memohon kerjasama orang ramai dalam perkara-perkara berikut:
 - i) Hendaklah memberikan maklumat yang betul jika awda dihubungi oleh petugas-petugas; berbudi bahasa dan bertutur dengan sopan kepada petugas-petugas serta ikut arahan yang diberikan.

- ii) Elakkan daripada berada di hospital atau tempat-tempat di mana penyiasatan kontek sedang dilakukan bagi mengelakkan kesesakan dan melindungi diri awda sendiri dari terdedah kepada jangkitan, terutamanya jika awda tidak ada keperluan untuk berada di tempat tersebut.
- iii) Gunakan Talian Nasihat Kesihatan dengan betul dan berhemah. Sejak jangkitan COVID-19 dikesan di Negara Brunei Darussalam pada 9 Mac 2020, Talian Nasihat Kesihatan telah menerima lebih 700 panggilan.
- iv) Pihak pengurusan syarikat-syarikat atau jabatan-jabatan adalah dipohonkan untuk tidak menghantar kakitangan mereka bagi menjalani *screening* untuk ujian makmal COVID-19 tanpa ada arahan daripada Kementerian Kesihatan.

11. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2
Tarikh : 18 Rejab 1441H / 13 Mac 2020M